

Sumbangan Ilmuwan Hadis dalam Pemikiran Al-Asy'ariyyah

MOHD. KHAFIDZ SORONI

[mohdkhafidz@kuis.edu.my]

Jabatan Al-Quran & Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Abstrak

Gagasan pemikian kalam Asy'ariyyah yang berkembang pada kurun keempat Hijrah telah menerima banyak reaksi positif daripada kalangan para ilmuwan Islam. Dalam tempoh yang sama ia turut bertembung dengan pemikiran-pemikiran kalam yang lain seperti Maturidiyyah, Athariyyah (Ahlul Hadis dan Hanabilah Mufawwidah), Muktazilah, Jahmiyyah dan Hasyawiyyah (Mujassimah dan Musyabbihah). Bagaimanapun, majoriti ulama bersependapat bahawa hanya Asy'ariyyah, Maturidiyyah dan Athariyyah sahaja yang terangkum dalam istilah Ahlus Sunnah wal Jamaah. Fahaman Asy'ariyyah khususnya, telah menerima sambutan yang baik daripada kalangan para ulama, termasuk para ulama hadis. Kajian berbentuk kualitatif deskriptif ini telah memberi tumpuan secara khusus kepada sumbangan ilmuwan hadis dalam pemikiran Asy'ariyyah. Kajian mendapati ramai ulama hadis telah memberi sumbangan besar dalam pemikiran al-Asy'ariyyah dan sebahagian tokoh-tokoh besar mereka telah dipaparkan dalam kajian ini. Bagaimanapun, ulama hadis yang bukan daripada fahaman Asy'ariyyah, namun mendokong asas akidah yang sama, sama ada terlibat dengan ilmu kalam atau tidak, tidak dimuatkan kerana fokus perbincangan adalah merujuk kepada fahaman Asy'ariyyah sahaja.

Pendahuluan

Ilmu kalam menurut Imam al-Taftazani dalam Tahzib al-Mantiq wa al-Kalam (h. 15) ialah; "ilmu mengenai akidah-akidah diniyyah daripada dalil-dalil yaqiniyyah". Manakala Imam Ibn Khaldun (w. 808H) dalam al-Muqaddimah telah memberi definisi yang lebih spesifik iaitu; "suatu ilmu yang mengandungi perbincangan mengenai akidah-akidah imaniyyah melalui dalil-dalil 'aqliyyah serta penolakan terhadap golongan ahli bidaah yang menyeleweng dari segi iktikad daripada mazhab Salaf dan Ahlus Sunnah". (Ibn Khaldun, t.t: 507)

Ilmu kalam pada hakikatnya menggabungkan antara dalil naqli dan dalil aqli di dalam perbincangan akidah. Sedangkan sebelumnya, para Salaf hanya menggunakan dalil-dalil naqli sahaja yang diambil daripada al-Quran dan sunnah. Menurut Ibn Khaldun, pegangan ini diikuti oleh para ulama Islam sehinggalah munculnya khilaf mengenai perincian terhadap akidah-akidah imaniyyah yang kebanyakannya berpunca daripada ayat-ayat mutasyabihat. Maka, ia telah menyebabkan berlakunya pertelingkahan, perdebatan serta pendalilan

dengan akal sebagai tambahan terhadap dalil naqli. Justeru, muncullah dengan sebab itu disiplin ilmu kalam. (Ibn Khaldun, t.t: 513)

Secara ringkas, kemunculan fahaman Muktazilah yang mengutamakan logik akal dan bercanggah dengan fahaman para Salaf telah mendorong ulama Ahlus Sunnah bangkit melawan mereka dengan menggunakan dalil-dalil akal juga terhadap akidah-akidah imaniyyah tersebut. Antara yang mempelopori kebangkitan ini ialah Imam al-Mutakallimin Abu al-Hasan al-Asy'ari yang telah menggagaskan keseimbangan di antara dalil naqli dan dalil aqli dan di antara fahaman Muktazilah dan fahaman Mujassimah Musyabbihah. Kesemua perbincangan masalah akidah ini telah dinamakan sebagai ilmu kalam, sama ada kerana ianya mengandungi kalam perdebatan terhadap fahaman-fahaman bidaah tersebut, atau pun ianya disebabkan pertelingkahan yang sengit mengenai isu al-kalam al-nafsi. (Ibn Khaldun, t.t: 514-515)

Selepas itu, semakin bertambah ramai ulama yang mengikut manhaj Imam al-Asy'ari, selain yang mengikut manhaj Imam al-Maturidi, sehingga tidak dikenal Ahlus Sunnah melainkan mereka yang mengikut manhaj kedua-dua imam ini. al-Hafiz Muhammad Murtada al-Zabidi menyebut di dalam Ithaf al-Sadat al-Muttaqin (2/6):

إذا اطلق أهل السنة والجماعة فالمراد بهم الأشاعرة والماتريديّة . اهـ

Maksudnya: "Jika disebut Ahlus Sunnah wal-Jama'ah, maka yang dimaksudkan dengan mereka itu ialah al-Asy'arah dan al-Maturidiyyah".

Fahaman al-Asy'ariyyah

Fahaman al-Asy'ariyyah yang menggabungkan antara dalil naqli dan aqli telah menerima sambutan yang baik daripada para ulama Islam. Kata Imam Abu Mansur al-Baghdadi di dalam kitab Usul al-Din mengenai kelebihan Imam al-Asy'ari: "Tiada seorang pun dari kalangan mutakallimin yang memiliki pengikut seramai beliau, kerana kesemua ahli hadis dan semua yang tidak mengikut fahaman Muktazilah dari kalangan ahl al-ra'yi adalah mengikut mazhabnya". (al-Baghdadi, 309-310)

Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari hakikatnya bukan mencipta mazhab yang baru dalam akidah, akan tetapi beliau hanya memperkemaskinikan mazhab Ahlus Sunnah wal-Jama'ah. Kata Imam Taj al-Din al-Subki (w. 771H) di dalam kitabnya Tabaqat al-Syafi'iyah al-Kubra (2/ 254):

واعلم أن أبا الحسن الأشعري لم يبدع رأياً ولم يُنشئ مذهباً، وإنما هو مقرر لمذاهب السلف،
مناضل عما كانت عليه صحابة رسول الله صلى الله عليه وسلم، فالانتساب إليه إنما هو باعتبار
أنه عقد على طريق السلف نطاقاً وتمسك به، وأقام الحجج والبراهين عليه، فصار المقدي به
في ذلك السالك سبيله في الدلائل؛ يسمى أشعرياً

Maksudnya: "Ketahuilah bahawa Abu al-Hasan al-Asy'ari tidak mencipta pemikiran baru dan tidak juga mendirikan mazhab baru, akan tetapi beliau hanya meneguhkan mazhab Salaf dan memperjuangkan jalan yang berada di atasnya para sahabat Rasulullah ﷺ. Maka, menisbahkan diri kepadanya adalah berdasarkan kerana beliau telah mengikat suatu tali di atas jalan Salaf, berpegang teguh dengannya serta mengemukakan hujah-hujah dan dalil-dalil ke atasnya. Justeru itu, orang yang mengikutinya dan yang melalui jalannya dalam pendalilan tersebut dinamakan sebagai Asy'ari".

Imam Taj al-Din al-Subki juga menyebut:

وَهَذِهِ الْمَذَاهِبُ الْأَرْبَعَةُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ فِي الْعَقَائِدِ وَاحِدَةً إِلَّا مَنْ لَحِقَ مِنْهَا بِأَهْلِ الْاِعْتِرَالِ وَ التَّحْسِينِ،
وَ إِلَّا فَجْمُهُورُهَا عَلَى الْحَقِّ، يُفِرُّونَ عَقِيدَةَ أَبِي جَعْفَرٍ الطَّحَاوِيِّ الَّتِي تَلَقَّاهَا الْعُلَمَاءُ سِلْقًا وَ خَلْفًا
بِالْقَبُولِ، وَ يَدِينُونَ لِلَّهِ بِرَأْيِ شَيْخِ السُّنَّةِ أَبِي الْحَسَنِ الْأَشْعَرِيِّ الَّذِي لَمْ يُعَارِضْهُ إِلَّا مُتَبَدِّعٌ

Maksudnya: “Mazhab yang empat ini - dan bagi Allah segala pujian - di dalam akidah adalah satu melainkan orang yang menyertai golongan Muktazilah dan Mujassimah daripadanya. Manakala golongan jumbuhnya tetap berada di atas kebenaran. Mereka membenarkan akidah Abu Ja'far al-Tahawi yang telah diterima oleh para ulama Salaf dan Khalaf dengan sepenuh penerimaan. Mereka juga beriktikad kepada Allah dengan pandangan Syaykh al-Sunnah Abu al-Hasan al-Asy'ari yang mana tidak ada seorang pun yang menentang beliau melainkan ahli bidaah”. (al-Subki, 1993: 22 - 23)

Bagaimanapun, terdapat ahli hadis yang tidak menerima gabungan antara dalil naqli dan aqli dalam perbahasan akidah. Ini kerana mereka hanya berpegang dengan dalil naqli sahaja dan mengikut jejak langkah majoriti para Salaf. Mereka ini termasuk dalam salah satu kumpulan Ahlus Sunnah wal Jamaah selain Asy'ariyyah dan Maturidiyyah. Kata Imam Taj al-Din al-Subki dalam Syarh 'Aqidah Ibn al-Hajib: “Ketahuilah bahawa semua Ahlus Sunnah wal Jamaah bersepakat di atas iktikad yang sama dari segi apa yang wajib, yang harus dan yang mustahil. Meskipun mereka berbeza dari segi kaedah dan asas yang menyampaikan kepadanya, atau dari segi sebab dan puncanya. Secara jumlah, mereka berdasarkan penelitian ada tiga kumpulan: Pertama, ahli hadis (أهل الحديث) dan pegangan asas mereka ialah dalil-dalil sam'i, yakni al-Quran, sunnah dan ijmak. Kedua, ahli kalam (أهل النظر العقلي) dan seni berfikir dan mereka ialah Asy'ariyyah dan Hanafiyyah, di mana syeikh Asy'ariyyah ialah Abu al-Hasan al-Asy'ari dan syeikh Hanafiyyah ialah Abu Mansur al-Maturidi... Ketiga, ahli sufi (أهل الوجدان والكشف) dan mereka ialah para sufiyyah dan asas mereka ialah asas ahli kalam dan ahli hadis di permulaannya serta kasyaf dan ilham di penghujungnya.” (al-Zabidi, 2/9)

Perlaksanaan Tajdīd Imam Ash'ari

Antara pelaksanaan tajdīd Imam Ash'ari ialah perdebatan dan perbincangan, penulisan kitab serta kesinambungan tradisi Ashairah.

Sumbangan Ilmuwan Hadis dalam Pemikiran al-Asy'ariyyah

Selepas tersebarnya fahaman al-Asy'ariyyah, kebanyakan ahli hadis berpegang dengan fahaman ini. Imam Taj al-Din al-Subki berkata: “Mazhab Asya'irah adalah mazhab para muhaddithin dahulu dan sekarang”. (al-Subki, 4/32)

Contohnya, kebanyakan ulama yang mensyarahkan Sahih al-Bukhari adalah Asya'irah. Kenyataan ini juga diiktiraf oleh golongan penentang Asya'irah. Menurut sebahagian mereka: “Kebanyakan mereka adalah mengikut aliran Asya'irah seperti Ibn Battal dan Ibn al-Tin. Kebanyakan mereka bukan di atas akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah (!?). Mereka mentakwilkan sifat kebiasaannya. Contoh masalah akidah, sekiranya mereka berbicara tentang akidah atau tentang sifat, janganlah kamu ambil daripada mereka, tetapi kamu boleh mengambil manfaat daripada syarahan hadis mereka. Demikian juga al-Hafiz Ibn Hajar رحمه الله mengikut aliran Asya'irah kebiasaannya. Beliau mentafsirkan sifat menurut aliran Asya'irah. Mereka adalah ulama besar dan mempunyai jasa yang cukup besar serta sumbangan yang cukup luas terhadap hadis. Tetapi, mereka tidak diberi taufik untuk bertemu masyayikh Ahlus Sunnah wal Jamaah (!?) yang dapat membentuk mereka di atas akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah (!?). Mereka telah berjihad dan menyangka bahawa itu

adalah yang hak dan itu adalah wahyu. Justeru, janganlah kamu ambil akidah daripada para pensyarah tersebut, sama ada Ibn Hajar, Ibn Battal, Ibn al-Tin, mahu pun yang lainnya. Ya.” (al-Rajih, fatwa atas talian pada: 7/ 8/ 1424 - 3/ 10/ 2003)

Para pensyarah Sahih al-Bukhari yang lain adalah seperti al-Khattabi, al-Kirmani, al-‘Aini, al-Qastallani, Ibn al-Munayyir dan lain-lain. Demikian juga para pensyarah Sahih Muslim seperti Imam an-Nawawi, al-Qadi ‘Iyadh, al-Qurtubi, al-Ubbi, as-Sanusi dan selain mereka. Kesemua mereka adalah al-Asy‘ariyyah atau al-Maturidiyyah. Selain bidang syarah hadis, bidang periwayatan sanad kitab-kitab hadis juga demikian, di mana tidak ditemukan satu sanad pun yang sampai kepada kita pada hari ini kecuali sanad tersebut adalah daripada kalangan para perawi al-Asy‘ariyyah atau al-Maturidiyyah.

Antara ilmuwan hadis yang dapat direkodkan ada memberi sumbangan sedikit sebanyak dalam pemikiran al-Asy‘ariyyah ialah;

Imam Abu Bakr al-Isma‘ili

Beliau ialah Abu Bakr Ahmad bin Ibrahim bin Isma‘il al-Isma‘ili al-Syafi‘i (297 – 371H). Imam al-Isma‘ili merupakan antara tokoh hadis yang terkenal dalam kurun keempat hijrah. Beliau telah menyusun beberapa kitab hadis, antaranya kitab Musnad ‘Umar RA dan sebuah kitab mustakhraj yang mentakhrijkan hadis-hadis Sahih al-Bukhari.

Al-Hafiz Ibn ‘Asakir di dalam Tabyin Kadhif al-Muftari (1399H: 192) memasukkan beliau ke dalam tabaqat pertama al-Asya‘irah yang merupakan murid-murid besar Imam Abu al-Hasan al-Asy‘ari. Antara bukti pengaruh beliau ke atasnya ialah al-Isma‘ili menyatakan di dalam kitabnya I‘tiqad Ahl al-Sunnah:

ولا يعتقد فيه الأعضاء والجوارح ولا الطول والعرض والغلظ والدقة ونحو هذا مما يكون مثله في الخلق، وأنه ليس كمثل شيء

Maksudnya: “Dan tidak mengiktikadkan pada-Nya anggota dan tubuh badan, mahu pun tinggi, lebar, berat, bentuk dan seumpamanya yang mana sifat seumpama itu merupakan sifat bagi makhluk. Sesungguhnya Dia tiada suatu apa pun yang serupa seperti-Nya”.

Ibarat ini telah dikritik oleh sebahagian Hanabilah (Mujassimah Musyabbihah) dan dianggap sebagai pengaruh daripada ilmu kalam.

Imam al-Hakim al-Naysaburi

Beliau ialah Abu ‘Abdullah Muhammad bin ‘Abdullah bin Hamduyah al-Naysaburi yang masyhur dengan gelaran al-Hakim dan juga Ibn al-Bayyi‘ (321 – 405H). Beliau telah berguru dengan kira-kira 2,000 orang syekh.

Beliau juga ulama yang aktif mengarang kitab dan telah menghasilkan kira-kira 1,500 juzuk. Antara karya beliau (al-Zirikli 2002):

1. تاريخ نيسابور
2. المستدرک علی الصحیحین
3. الإكليل
4. المدخل في أصول الحديث
5. تراجم الشيوخ

6. فضائل الشافعيّ
7. تسمية من أخرجهم البخاري ومسلم
8. معرفة علوم الحديث
9. dan sebagainya.

Al-Hafiz Ibn 'Asakir di dalam Tabyin Kadhhib al-Muftari (1399H: 227) memasukkan beliau ke dalam tabaqat kedua al-Asya'irah.

Al-Hafiz Abu Nu'aym al-Asbahani

Beliau ialah al-Hafiz Abu Nu'aym Ahmad bin 'Abdullah bin Ahmad al-Asbahani (336 – 430H). Antara karya beliau (al-Zirikli 2002):

1. حلية الأولياء وطبقات الأصفياء
2. معرفة الصحابة
3. طبقات المحدثين والرواة
4. دلائل النبوة
5. ذكر أخبار أصبهان
6. كتاب الشعراء
7. dan sebagainya.

Al-Hafiz Ibn 'Asakir di dalam Tabyin Kadhhib al-Muftari (1399H: 246) memasukkan beliau ke dalam tabaqat kedua al-Asya'irah.

Al-Hafiz Abu Dhar al-Harawi

Beliau ialah al-Hafiz Abu Dhar 'Abd bin Ahmad bin Muhammad al-Ansari al-Harawi al-Maliki (355 – 435H). Beliau aktif mengarang, namun kebanyakan kitabnya tidak sampai kepada kita pada hari ini. Antara karya beliau (al-Zahabi ; al-Zirikli 2002):

1. الصفات على منوال كتاب أبي بكر البيهقي
2. مستدرک على الصحيحين
3. كتاب السنة
4. كتاب فضائل القرآن
5. كتاب دلائل النبوة
6. كتاب الجامع
7. فضائل مالك
8. مسانيد الموطأ
9. كرامات الأولياء
10. dan sebagainya.

Abu Dhar al-Harawi (w. 434H) merupakan perawi kitab Sahih al-Bukhari yang terkenal. Menurut al-Hafiz Ibn Hajar, riwayat Sahih al-Bukhari yang paling masyhur daripada muridnya, al-Firabri (m. 320H) ialah riwayat Abu Dhar al-Harawi daripada tiga

orang gurunya yang merupakan anak murid al-Firabri, iaitu al-Kusymihani (m. 389H), al-Hammuyi al-Sarakhsi (m. 381H) dan al-Mustamli (m. 376H). Ini kerana riwayat Abu Dhar al-Harawi adalah riwayat yang paling dabit dan teliti dalam menentukan perbezaan lafaz-lafaz sanad dan matan. (Ibn Hajar al-'Asqalani, 1986: 1/10)

Al-Hafiz Ibn 'Asakir di dalam Tabyin Kadhhib al-Muftari (1399H: 255) memasukkan beliau ke dalam tabaqat ketiga al-Asya'irah. Antara sumbangan beliau ialah menyebarkan fahaman al-Asya'irah di Hijjaz. Ramai ulama yang datang ke Hijjaz untuk menunaikan haji, umrah dan ziarah telah mempelajari ilmu kalam daripadanya.

Kata al-Zahabi dalam Siyar A'lam al-Nubala' (17/ 557): "Beliau mengambil ilmu kalam dan pandangan Abu al-Hasan al-Asy'ari daripada al-Qadi Abu Bakr bin al-Tayyib serta menyebarkannya di Makkah. Daripada beliau ialah ulama Maghribi kemudian membawanya ke wilayah Maghrib dan Andalus, sedangkan sebelumnya ulama Maghrib tidak pernah pun mencampuri ilmu kalam. Mereka menguasai ilmu fiqh, hadis atau pun bahasa Arab, tetapi mereka tidak mendalami ilmu-ilmu aqli."

Imam al-Baihaqi

Beliau ialah Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn bin 'Ali al-Bayhaqi (384 – 458H). Al-Bayhaqi merupakan ulama hadis mazhab Syafii yang cukup handal sehingga Imam al-Haramayn berkata: "Tiada seorang pun yang bermazhab Syafii melainkan Imam Syafii mempunyai sumbangan jasa ke atasnya kecuali al-Bayhaqi. Sesungguhnya beliau yang mempunyai sumbangan jasa ke atas Imam Syafii kerana banyaknya karya-karya beliau dalam mendokong mazhabnya, memperincikan perkataannya yang ringkas serta memperkukuhkan pandangan-pandangannya." Kata al-Zahabi: "Sekiranya al-Bayhaqi mahu untuk membina satu mazhab baru bagi dirinya agar beliau dapat berjihad, nescaya beliau mampu berbuat demikian dek kerana luasnya ilmu beliau dan pengetahuan beliau tentang ikhtilaf ulama."

Beliau telah mengarang banyak kitab yang berjumlah sekitar 1,000 juzuk. Antara karya beliau (al-Zirikli 2002):

1. السنن الكبرى
2. السنن الصغرى
3. الأسماء والصفات
4. دلائل النبوة
5. كتاب الآداب
6. كتاب المبسوط
7. شعب الإيمان
8. مناقب الإمام الشافعيّ
9. الاعتقاد
10. معرفة السنن والآثار dan sebagainya.

Al-Hafiz Ibn 'Asakir di dalam Tabyin Kadhhib al-Muftari (1399H: 265) memasukkan beliau ke dalam tabaqat ketiga al-Asya'irah. Kitab al-Asma' wa al-Sifat dan kitab al-I'tiqad wa al-Hidayah karangan al-Baihaqi merupakan dua buah kitab yang penting mengenai akidahnya. Kata Syeikh Muhammad Zahid al-Kawthari dalam mukadimah kitab al-Asma' wa al-Sifat: "Beliau telah menyusun kitab al-Asma' wa al-Sifat serta berusaha mengumpulkan

kesemua hadis yang diriwayatkan di dalam bab-babnya, di samping menerangkan yang sahih dan yang daif, dan menetapkan wajah penjelasan pada nas-nas yang diriwayatkan mengenai al-Asma' wa al-Sifat serta menukilkan daripada tokoh-tokoh kalam dan takwil makna-makna yang dimaksudkan daripadanya...”.

Imam al-Khatib al-Baghdadi

Beliau ialah Abu Bakr Ahmad bin 'Ali bin Thabit al-Khatib al-Baghdadi (392 – 463H). Beliau telah mengarang banyak kitab, terutama di dalam bidang hadis. Antara karya beliau (al-Zirikli 2002):

1. تاريخ بغداد
2. الكفاية في علم الرواية
3. الجامع لأخلاق الراوي وآداب السامع
4. تقييد العلم
5. شرف أصحاب الحديث
6. الرحلة في طلب الحديث
7. الفقيه والمتفقه
8. اقتضاء العلم العمل
9. موضح أوهام الجمع والتفريق
10. dan sebagainya.

Al-Hafiz Ibn 'Asakir di dalam Tabyin Kadhīb al-Muftari (1399H: 268) memasukkan beliau ke dalam tabaqat keempat al-Asya'irah. Dalam bab akidah, al-Khatib al-Baghdadi masyhur dengan risalah yang mengandungi jawapan balasnya terhadap suatu soalan mengenai sifat Allah SWT. Kata beliau: “Sesungguhnya di dalam kitab Allah Taala terdapat ayat-ayat muhkamat yang dapat difaham maksudnya melalui zahirnya dan juga terdapat ayat-ayat mutasyabihat yang tidak dapat diketahui maknanya melainkan dengan mengembalikannya kepada yang muhkam. Dan wajib membenarkan kesemuanya dan beriman dengan keseluruhannya. Maka, demikian juga hadis-hadis Rasul SAW berjalan dengan jalan ini dan turun atas kedudukan ini, iaitu dikembalikan yang mutasyabih kepada yang muhkam serta menerima kesemuanya.”

Al-Hafiz Ibn al-Jawzi

Beliau ialah al-Hafiz 'Abd al-Rahman bin 'Ali bin Muhammad al-Jawzi al-Qurasyi al-Baghdadi (508 – 597H). Beliau telah mengarang sekitar 300 buah karya. Antara karya beliau (al-Zirikli 2002):

1. تلقيح فهم أهل الآثار في مختصر السير والأخبار
2. مناقب عمر بن عبد العزيز
3. المدهش في المواعظ وغرائب الأخبار
4. تلبيس إبليس
5. فنون الأفتان في عيون علوم القرآن
6. المنتظم في تاريخ الملوك والأمم

7. الذهب المسبوك في سير الملوك
8. الوفا في فضائل المصطفى
9. مناقب عمر بن الخطاب
10. صيد الخاطر
11. كتاب الضعفاء والمتروكين
12. الموضوعات في الأحاديث المرفوعات
13. زاد المسير في علم التفسير
14. دفع شبه التشبيه والرد على المجسمة dan sebagainya.

Kitab beliau, Daf' Syubah al-Tasybih merupakan kitab akidah beliau yang penting dalam memperbetulkan kepincangan akidah yang wujud di kalangan sebahagian Hanabilah. Kata beliau: "Sesungguhnya mereka telah mengambil zahir pada al-asma' wa al-sifat, lalu mereka menamakannya sebagai al-sifat. Satu penamaan bidaah yang tidak ada dalil bagi mereka padanya daripada naql mahu pun akal. Mereka tidak memperdulikan nas-nas yang memalingkan daripada zahir kepada makna-makna yang wajib bagi Allah Taala, atau menafikan apa yang dibawa oleh zahir daripada ciri-ciri benda yang baharu...". (h. 100)

Al-Hafiz Ibn 'Asakir

Beliau ialah 'Ali bin al-Hasan bin Hibat Allah ibn 'Asakir al-Dimasyqi (499 – 571H). Beliau merupakan seorang tokoh ulama hadis yang masyhur di zamannya. Antara karya beliau (al-Zirikli 2002):

1. تاريخ دمشق الكبير
2. الإشراف على معرفة الأطراف
3. تبیین كذب المفتري في ما نسب إلى أبي الحسن الأشعري
4. كشف المغطى في فضل الموطأ
5. أربعون حديثاً من أربعين شيخاً من أربعين مدينة
6. معجم الصحابة
7. معجم النسوان
8. تهذيب الملتمس من عوالي مالك بن أنس
9. معجم الشيوخ والنبلاء
10. غرائب مالك dan sebagainya.

Al-Hafiz Ibn 'Asakir terkenal dengan kitabnya Tabyin Kadhib al-Muftari fi ma Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Asy'ari yang dikarang untuk mempertahankan Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari dan menjelaskan pembohongan yang disandarkan kepada beliau. Imam Taj al-Din al-Subki berkata:

وهو من أجل الكتب وأعظمها فائدة وأحسنها، فيقال: كل سني لا يكون عنده كتاب التبيين لابن عساكر فليس من أمر نفسه على بصيرة. اهـ

"Ia merupakan antara kitab yang paling utama, yang paling besar faedahnya dan yang paling baik sekali. Dikatakan: Setiap sunni yang tiada di sisinya kitab Tabyin oleh Ibn

'Asakir, maka tidaklah ia dapat melihat secara nyata daripada hal (akidah) dirinya". (al-Subki, 3/222)

Imam al-Nawawi

Beliau ialah Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf bin Murri al-Hizami al-Nawawi (631 – 676H). Imam an-Nawawi merupakan tokoh ulama Syafii terkenal yang menghimpunkan antara bidang fiqh dan bidang hadis sehinggakan pandangan-pandangannya dianggap sebagai yang muktamad di dalam mazhab Syafii. Antara karya beliau (al-Zirikli 2002):

1. تهذيب الأسماء واللغات
2. منهاج الطالبين
3. المنهاج في شرح صحيح مسلم
4. التقريب والتيسير في مصطلح الحديث
5. الأذكار النووية
6. خلاصة الأحكام من مهمات السنن وقواعد الإسلام
7. رياض الصالحين من كلام سيد المرسلين
8. بستان العارفين
9. المجموع شرح المذهب للشيرازي
10. روضة الطالبين
11. التبيان في آداب حملة القرآن
12. رسالة في التوحيد
13. المنثورات وهو كتاب فتاويه
14. الأربعون حديثنا النووية dan sebagainya.

Kitab beliau, al-Minhaj yang mensyarahkan kitab Sahih Muslim menjadi bukti terhadap kecenderungan beliau terhadap pemikiran al-Asya'irah. Antara kata beliau dalam menghuraikan hadis al-nuzul: "Hadis ini termasuk hadis-hadis sifat. Mengenaiknya terdapat dua mazhab yang masyhur bagi ulama. Salah satunya, iaitu mazhab Salaf dan sebahagian mutakallimin ialah mengimani bahawa ia adalah yang hak menurut apa yang layak bagi Allah Taala, manakala zahirnya yang dimaklumi pada hak diri kita bukanlah yang dimaksudkan, serta tidak membicarakan tentang takwilnya, di samping beriktikad menyucikan Allah Taala daripada sifat-sifat makhluk, daripada berpindah, bergerak dan kesemua ciri-ciri makhluk. Yang kedua, iaitu mazhab kebanyakan mutakallimin dan beberapa kumpulan Salaf, serta ada dihiyatkan di sini daripada Malik dan al-Awza'i bahawa ia boleh ditakwil menurut apa yang layak dengannya berdasarkan tempat-tempatnya. Justeru itu, mereka telah mentakwilkan hadis ini dengan dua takwilan. Pertama, takwil Malik bin Anas dan lain-lain bahawa maknanya ialah turun rahmat-Nya, perintah-Nya dan para malaikat-Nya, sepertimana dikatakan: 'Sultan melakukan sekian', apabila para pengikutnya yang melaksanakannya dengan perintahnya. Kedua, ia berdasarkan isti'arah (kata pinjaman) dan maknanya ialah perhatian-Nya terhadap orang-orang yang berdoa dengan penuh kemakbulan dan kelembutan". (al-Nawawi 6/36)

Imam Taqiy al-Din al-Subki

Beliau ialah Taqiy al-Din ‘Ali bin ‘Abd al-Kafi bin ‘Ali bin Tamam al-Subki al-Ansari al-Khazraji (683 – 756H). Beliau menguasai pelbagai bidang ilmu, termasuk hadis. Imam al-Suyuti telah memasukkan beliau ke dalam *Tabaqat al-Huffaz*. Menurutnya, beliau adalah (شيخ الإسلام إمام العصر) dan (الإمام الفقيه المحدث الحافظ المفسر الأصولي النحوي اللغوي الأديب المجتهد). Beliau telah menyusun lebih daripada 150 buah karya. Karya-karyanya membuktikan kedalaman dan keluasan ilmu beliau dalam hadis dan pelbagai ilmu lain.

Antara karya beliau (al-Zirikli 2002):

1. الدر النظيم في التفسير لم يكمله
2. مختصر طبقات الفقهاء
3. الإغريض في الحقيقة والمجاز والكنية والتعريض
4. السيف الصقيل في الرد على قصيدة نونية تسمى الكافية في الاعتقاد منسوبة الى ابن القيم
5. السيف المسلول على من سب الرسول
6. شفاء السقام في زيارة خير الأنام
7. الابتهاج في شرح المنهاج
8. الاعتبار ببقاء الجنة والنار
9. مجموع فتاوى
10. dan sebagainya.

Menurut al-Suyuti, ketika al-Hafiz al-Mizzi wafat, para masyayikh Dar al-Hadith al-Asyrafiiyyah, Syam telah mencadangkan al-Hafiz al-Zahabi sebagai ganti. Namun, dikatakan bahawa pewakaf asal telah mensyaratkan Syeikh Dar al-Hadith mestilah orang yang berakidah Asy’ari, sedangkan al-Zahabi dipertikaikan. Lantas mereka pun melantik Imam al-Subki. Kata anak beliau, Taj al-Din al-Subki: “Pada pendapat kami, tiada seorang pun yang mengetuainya yang lebih alim daripada beliau, yang lebih hafiz daripada al-Mizzi, atau yang lebih warak daripada al-Nawawi dan Ibn al-Salah”. “Dan tiada seorang pun selepas al-Zahabi dan al-Mizzi yang lebih hafiz daripada beliau”.

Kitab beliau, *al-Sayf al-Saqil* merupakan kitab penting yang menolak dan mengkritik fahaman Tajsim dan Tasybih. Antara kata-kata beliau (h. 20-22) di awal mukadimahnyanya: “Tidak ada bagi akidah yang lebih memudaratkan daripada dua perkara, iaitu ilmu kalam dan hikmah Yunani. Kedua-duanya pada hakikatnya adalah ilmu yang sama, iaitu ilmu ketuhanan (العلم الإلهي). Akan tetapi orang Yunan mempelajarinya dengan akal mereka semata-mata, sedangkan para mutakallimin mempelajarinya dengan akal dan *naql* (periwayatan) sekaligus. Mereka telah berpecah kepada tiga kumpulan. Salah satunya lebih dipengaruhi oleh akal, iaitu Muktazilah. Kumpulan kedua pula lebih dipengaruhi oleh *naql*, iaitu Hasyawiyyah. Manakala yang ketiga, tidak dipengaruhi oleh salah satu dari kedua-duanya, bahkan kedua-dua perkara tersebut kekal dipelihara di sisinya secara saksama, iaitu Asy’ariyyah. Namun, ketiga-tiga kumpulan ini di dalam bicara mereka terdedah kepada bahaya, sama ada tersalah pada setengahnya atau pun hilang kegahan/kehebatan. Dan yang selamat daripada semua itu ialah jalan yang berada di atasnya para sahabat, para tabiin dan umum semua orang yang kekal di atas fitrah yang sejahtera. Kerana itulah, Imam Syafii telah melarang daripada menyibukkan diri dengan ilmu kalam dan beliau menyuruh supaya

menyibukkan diri dengan ilmu fiqh kerana ia adalah jalan keselamatan. Kalaupun manusia masih kekal di atas jalan yang mereka berada di atasnya pada zaman para sahabat dulu, nescaya lebih utama bagi para ulama menjauhi dari menelaah ilmu kalam secara jumlah. Akan tetapi telah berlaku berbagai bidaah yang mewajibkan para ulama menelaahnya bagi membanteras golongan-golongan bidaah tersebut dan menolak kekeliruan mereka sebagai berjaga-jaga dari tergelincir kerananya hati orang-orang yang telah beroleh petunjuk. Golongan Asy'ariyyah merupakan golongan yang seimbang (المتوسطون) dalam hal tersebut dan mereka adalah golongan majoriti dari kalangan ulama Syafii, ulama Maliki, ulama Hanafi, tokoh-tokoh Hanabilah dan kesemua manusia”.

Al-Hafiz Ibn Hajar

Beliau ialah Abu al-Fadl Ahmad bin 'Ali bin Muhammad ibn Hajar al-'Asqalani (773 – 852H). Kehebatan dan keunggulan beliau dalam seni hadis menjadikan beliau digelar sebagai Amir al-Mu'minin fi al-Hadith, iaitu gelaran tertinggi dalam bidang hadis.

Al-Hafiz Ibn Hajar telah menghasilkan banyak karya, terutama di dalam bidang hadis. Antara karya beliau (al-Zirikli 2002):

1. الدرر الكامنة في أعيان المئة الثامنة.
2. لسان الميزان
3. الكافي الشاف في تخريج أحاديث الكشاف
4. تقريب التهذيب
5. الإصابة في تمييز أسماء الصحابة
6. تهذيب التهذيب
7. بلوغ المرام من أدلة الأحكام
8. نزهة النظر في توضيح نخبة الفكر
9. القول المسدد في الذب عن مسند الإمام أحمد
10. رفع الإصر عن قضاة مصر
11. فتح الباري في شرح صحيح البخاري
12. التلخيص الحبير في تخريج أحاديث الرافعي الكبير dan sebagainya.

Al-Hafiz Ibn Hajar pernah menjadi qadi al-qudah dalam masa pemerintahan Kerajaan Mamluk yang mendokong akidah al-Asy'ariyyah. Sumbangan al-Hafiz Ibn Hajar dalam menyebarkan pemikiran al-Asy'ariyyah dapat dilihat jelas dalam kitab syarah hadisnya, Fath al-Bari fi Syarh Sahih al-Bukhari. Kitab ini menjadi bukti penguasaan beliau terhadap kaedah dan usul fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah. Adapun beberapa pandangan beliau dalam masalah-masalah ijthadi yang turut menjadi perselisihan di kalangan ulama Asya'irah sendiri tidak pun mengeluarkan beliau daripada aliran al-Asy'ariyyah.

Sehingga ke hari ini, sanad akidah Asya'irah yang bersambung-sambung adalah melalui al-Hafiz Ibn Hajar, sebagaimana yang dapat dirujuk dalam kitab musalsalat Imam Waliy Allah al-Dihlawi, musalsalat Syeikh 'Abd al-Baqi al-Laknawi dan lain-lain.



Kitab yang disusun kononnya membongkar kesalahan akidah al-Hafiz Ibn Hajar (!?).

Imam al-Sanusi

Beliau ialah Muhammad bin Yusuf bin 'Umar al-Sanusi al-Tilimsani (832 – 895H). Imam al-Sanusi merupakan tokoh besar al-Asya'irah yang masyhur kerana memperkenalkan akidah Sifat 20. Selain menguasai ilmu kalam, beliau juga merupakan ulama hadis dan telah mensyarahkan kitab Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim.

Antara karya beliau (al-Zirikli 2002):

1. شرح صحيح البخاري لم يكمله
2. عقيدة أهل التوحيد ويسمى العقيدة الكبرى
3. أم البراهين ويسمى العقيدة الصغرى
4. شرح كلمتي الشهادة
5. مكمل إكمال الإكمال في شرح صحيح مسلم
6. شرح لامية الجزائري - توحيد
7. العقيدة الوسطى
8. المقدمات - توحيد
9. شرح صغرى الصغرى - توحيد
10. dan sebagainya.

Khatimah

Terdapat ramai lagi ulama hadis yang telah memberi sumbangan besar dalam pemikiran al-Asy'ariyyah, namun tokoh-tokoh besar hadis yang dinyatakan di atas sudah memadai bagi

mewakili kesemua mereka. Adapun ulama hadis yang hidup sebelum atau sezaman dengan Imam al-Asy'ari yang mendokong akidah yang sama, sama ada terlibat dengan ilmu kalam atau tidak, tidak dimuatkan di sini kerana fokus perbahasan adalah merujuk kepada perkembangan fahaman al-Asy'ariyyah sahaja.

Sebelum menutup bicara, perlu dinyatakan juga sebagai satu peringatan bahawa ungkapan-ungkapan ithbat yang terdapat di dalam kitab-kitab ahli hadis dan ulama Ahlus Sunnah seperti kitab al-Ibanah oleh Imam al-Asy'ari, kitab I'tiqad Ahl al-Sunnah oleh al-Isma'ili, kitab al-Risalah al-Wafiyah oleh Abu 'Amru al-Dani, al-I'tiqad wa al-Hidayah oleh al-Baihaqi dan lain-lain adalah merujuk kepada ithbat zahir lafaz, bukannya ithbat zahir makna yang merujuk kepada anggota tubuh, jujuk dan seumpamanya.

Kaedah mudah untuk mengetahuinya ialah mereka mengkategorikan nas tersebut sebagai nas mutasyabihat dan bukannya nas muhkamat. Berdasarkan bukti-bukti pernyataan mereka secara keseluruhan menunjukkan bahawa mereka bukan berpendapat dengan tafwid al-kayf semata-mata, sebagaimana sangkaan sesetengah orang, bahkan mereka turut berpendapat dengan tafwid al-ma'na. Malah, penggunaan istilah tafwid al-kayf juga kurang tepat kerana yang sebenarnya ialah nasy al-kayf, sebagaimana kata Imam al-Baihaqi dalam al-I'tiqad wa al-Hidayah (h. 123):

جاء بها التوقيف، فقلنا بها ونفينا عنها التكييف.

Maksudnya: "Telah datang tawqif mengenainya, justeru kami berpendapat dengannya serta kami nafikan takyif daripadanya".

Jelasnya, ungkapan-ungkapan ithbat mereka tidak membawa kepada lawazim al-kayf seperti adanya had, duduk, bersudut, mengambil ruang dan sebagainya. Ini berbeza sama sekali dengan ithbat zahir makna aliran Ibn Taymiyyah yang membuka ruang secara luas kepada fahaman tajsim dan tasybih.

Dengan maklumat bahawa para Salaf tidak melakukan takwil kecuali kerana darurat sahaja seperti yang dilakukan oleh Ibn 'Abbas RA, Imam Malik, Imam Ahmad dan lain-lain. Inilah manhaj Salaf sebenar yang dipertahankan oleh para ulama Ahlus Sunnah wal Jamaah. Justeru itu, sejak kurun keempat hijrah, jumbuh ulama telah mengiktiraf dan berintisab kepada manhaj Imam al-Asy'ari yang dilihat mampu mengukuhkan akidah Salaf dan Ahlus Sunnah wal-Jamaah.

Rujukan

al-'Asri, Sayf bin 'Ali. 1430. *al-Qawl al-Tamam bi Ithbat al-Tafwid Mazhaban lis Salaf al-Kiram*. Emirates: Dar al-Faqih.

al-Baghdadi, Abu Mansur. *Usul al-Din*. Beirut.

Ibn 'Asakir al-Dimasyqi. 1399H. *Tabyin Kadhib al-Muftari fi ma Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Asy'ari*. Cet. 2. Dimasyq: Dar al-Fikr.

Ibn Hajar al-'Asqalani, 1986, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Kaherah: Dar al-Rayyan.

Ibn al-Jawzi. *Daf' Syubah al-Tasybih*. Beirut.

Ibn Khaldun. t.t. *al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Jil.

Al-Kawthari, Muhammad Zahid, 1997, *Muqaddimat al-Imam al-Kawthari*, Dimasyq: Dar al-Thurayya.

an-Nawawi. *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Beirut.

al-Subki, Tāj al-Din 'Abd al-Wahhāb ibn 'Ali ibn 'Abd al-Kāfi. *Tabaqāt al-Syafi'iyah al-Kubra*.